

## **Persepsi mahasiswa UMS terhadap impak covid-19 Dengan menggunakan teknik interpretasi kriging Dalam kampus UMS**

### **ABSTRACT**

Wabak COVID-19 telah membawa kesan negatif kepada dunia dalam pelbagai sektor termasuklah ekonomi, politik, kesihatan dan kehidupan sosial antara manusia. Selain itu, Pendidikan juga terkesan akibat daripada penularan wabak ini. Oleh itu, kajian penyelidikan ini dijalankan dengan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor penularan COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS dengan menggunakan aplikasi 'Geography Information System' (GIS). Metod yang digunakan adalah kuantitatif dalam mengumpul data-data primer, dengan menggunakan kaedah soal selidik yang maklumatnya dikumpul daripada responden, iaitu mahasiswa UMS. Soal selidik dibahagikan kepada dua, iaitu bahagian A: Demografi, dan bahagian B: Faktor penularan wabak COVID-19 dalam kalangan mahasiswa UMS; serta menggunakan Skala Likert yang disetkan dalam soal selidik. Analisis dalam kajian ini adalah deskriptif dan Kriging. Dapatan kajian menunjukkan penjarakan sosial dan memakai pelitup muka ketika berada di tempat awam adalah sangat penting demi menjaga kesihatan dan mengelakkan penularan COVID-19 terus merebak. Selain itu, mengambil vaksin, jaga Kesihatan, dan kurang berkongsi barangan peribadi (seperti laptop) banyak membantu dalam memutuskan penularan wabak berjangkit ini. Di samping itu, responden juga amat setuju bahawa kurang melepak dan kurang menghadiri kelas secara fizikal boleh menggalakkan keberkesanan pengurangan penyakit berjangkit ini terus tersebar dalam kalangan mahasiswa UMS. Kesimpulannya, COVID-19 telah menyebabkan mahasiswa terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menuntut ilmu ketika berada di dalam kampus UMS. Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pelajar yang enggan memakai pelitup muka akan menyebabkan virus ini terus menular dalam kalangan mahasiswa di UMS. Virus ini telah menyebabkan tahap kesejahteraan dan kesihatan fizikal para pelajar merosot dan terjejas (jika pelajar tersebut dijangkiti). Namun, majoriti mahasiswa masih mengamalkan beberapa langkah pencegahan seperti menjaga kebersihan diri dan sekeliling bagi mengurangkan penularan wabak ini terus tersebar.